

**MAJLIS SAMBUTAN SISWA SISWI
(AKUJANJI PELAJAR IJAZAH) pengambilan kedua
SEMPENA
MINGGU SUAIKENAL SIDANG AKADEMIK 2013/2014**

Teks Ucapan

BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

pada 18 September 2013 (Rabu) jam 2.00 petang,
di Dewan Serbaguna Kubang Gajah, Perlis.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Salam Perlis, `Raja Ditaati, Rakyat Dirahmati, Negeri

Disanjung!

Salam 'Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan' UniMAP,

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) ,

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan
Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Dekan – Dekan, Ketua-Ketua Jabatan,

Barisan Urusetia Minggu Suaikenal Serta Para Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal,

Dan yang dikasihi pelajar-pelajar baru UniMAP

Selamat Petang, Good Evening, Malai Vannakam, Wan Shang Hao, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana mengizinkan kita berkumpul di Majlis Sambutan Siswa Siswi (AKUJANJI PELAJAR) sempena Minggu Suaikenal Kemasukan Sidang Akademik 2013/2014.

Saya ucapkan selamat datang kepada pelajar sekalian yang secara rasminya menjadi ahli keluarga UniMAP pada 17 September 2013 iaitu semalam. Sedikit informasi kepada anak pelajar sekalian, **pada kemasukan 1 September** lalu, **UniMAP telah menerima 1,125 lelaki dan 1,460 perempuan bagi mengisi 36 program pengajian.** Ini menjadikan jumlah keseluruhan pelajar baru bagi pengambilan pertama adalah seramai 2,585. Terkini, iaitu pada sesi pendaftaran semalam, UniMAP juga telah menerima **131**

pelajar, iaitu anak-anak pelajar di hadapan saya ini. Dengan kemasukan ini, keluarga UniMAP bagi Sidang Akademik 2013/2014 telah bertambah menjadi **2,716**.

Selain itu, UniMAP juga telah menerima **329 pelajar** antarabangsa, iaitu **218** pelajar **Intensive English Course (IEC)** yang telah mengikuti pengajian bahasa Inggeris di UniMAP pada kemasukan Oktober tahun lalu, dan **92** pelajar IEC kemasukan April 2013, selain **19** pelajar yang masuk terus dengan kelulusan IELTS dan TOEFL.

Hadirin yang dihormati,

Statistik menunjukkan terdapat peningkatan pada setiap kemasukan. Dalam tahun 2009, seramai 1,603 pelajar diterima masuk. Kemudian angka ini menurun sedikit kepada 1,569 pelajar, dan kembali kepada 2,043 dan 2,588 pada tahun 2011 dan 2012. Pada tahun ini jumlah kemasukan pelajar baru ke UniMAP adalah seramai **2,716**.

Ini bermakna bilangan keseluruhan pelajar UniMAP kini berjumlah **12,313** bagi pengajian peringkat **DIPLOMA dan SARJANA MUDA**, belum termasuk pelajar **SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH**. Insya Allah, dengan enrolmen kemasukan pelajar sebegini, saya yakin sasaran mendapatkan 15,000 pelajar menjelang tahun 2015 akan tercapai.

Ladies and gentlemen,

I bid a very warm welcome to all international students. I believe there must be good reasons behind your selection of this University. I am sure you have made the right decision.

A few years back, when I was a first year student, I sat in the same seats you are in today. I don't remember much of the details of what happened back then. But I do remember that in spite of my nervousness, I had made the right choice. I knew that my decision to attend a university would change my life.

My college experience had not been a bed of roses. I knew no one then. You see, I came from Kuala Lumpur, and travelled to USM, Penang. In the first few months, I didn't fit in. But soon I realized my classes were interesting. I made many new friends and my homesickness faded as I found the real meaning of being a student. You will probably go through the same experience. If you face the initial challenges of university life with a clear and open mind, I believe you can handle it well.

Whether you are a local or international student, you should stretch yourselves as far as you can, and challenge yourselves to try things that may seem beyond your reach. Don't just sit back.

Instead, be an active participant in your education. Ask lots of questions, and probe for the answers. This is the best time in your life to read great books and ask big questions. You will never again

have the same amount of time to do this with the same extend of focus. An education is much more than preparation for a career. We strive to prepare you not just for a lifetime of earning, but rather, a lifetime of learning. Don't waste even one minute of your time. Instead, use it to the fullest.

Pelajar yang dikasihi,

Bagaimana malam pertama kehidupan di kolej kediaman? Saya pasti sebahagian besar tidak dapat melelapkan mata kerana masih belum membiasakan diri dengan persekitaran tempat baru. Namun, insyaAllah tidak lama lagi anak-anak akan dapat menerima cara kehidupan yang serba baru ini.

Menjejak kaki ke universiti merupakan impian bagi kebanyakan insan, tetapi bukan semua orang mendapat peluang tersebut. Anak-anak pelajar di hadapan saya ini adalah antara yang terpilih, sedangkan puluhan ribu lagi bersedih kerana tidak dapat merasai kehidupan di kampus. *Walaupun anak pelajar mendaftar sedikit lambat berbanding dengan rakan yang lain, namun jangan berasa rendah diri atau lain-lain perasaan negatif. Anak-anak adalah insan yang bertuah dan terpilih. Tidak kiralah sama ada cepat atau lambat, anak-anak kini sudahpun berada di sini untuk memulakan babak baru dalam kehidupan yang penuh mencabar ini.*

Dari itu, hargailah peluang yang diberikan ini dengan sebaiknya. Sekiranya momentum belajar menurun, ingatlah kepada ibu bapa yang bersusah payah menghantar anak pelajar ke sini dengan harapan untuk melihat anak-anak pelajar berjaya. Peluang yang diberikan ini merupakan amanah yang harus dilaksanakan tanpa kompromi, supaya akhirnya anak pelajar berjaya menggenggam segulung ijazah dan bergelar graduan.

Untuk mencapai kejayaan dalam bidang yang dipilih, anak-anak pelajar memerlukan beberapa kualiti. Di sepanjang perjalanan sebagai mahasiswa, anak-anak pelajar akan menghadapi pelbagai cabaran. Bagi mengatasi cabaran-cabaran itu, anak-anak pelajar perlu ada ciri kesetiaan, pertimbangan yang baik, kerajinan, motivasi diri, optimis, berdaya tahan, bertanggungjawab, dan berkeyakinan tinggi. Anak-anak pelajar juga perlu sedia bertindak balas dengan apa jua cabaran yang mendatang.

Buktikan kepada diri sendiri bahawa anak-anak pelajar sanggup mengatasi kesukaran dan mempunyai sikap yang positif, selain mempunyai mempunyai kesediaan mengubah gaya hidup demi menyesuaikan diri. Kehidupan di universiti tidak sama seperti di zaman persekolahan dahulu. Di sini, sikap proaktif, toleran, berfikiran terbuka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang berlaku di sekeliling amat diperlukan. Kehidupan di universiti adalah lembaran baru yang perlu ditempuhi dengan berani.

Sebagai Naib Canselor yang juga merangkap bapa kepada anak-anak pelajar, ingin saya tinggalkan sedikit pesanan. Allah menganugerahkan kita akal untuk berfikir, maka fikirkanlah tujuan asal kita berada di sini.

Anak-anak pelajar mungkin sedia maklum dengan Akta AUKU (Pindaan 2012) yang membenarkan mahasiswa terlibat dalam persatuan atau kumpulan termasuk parti politik ketika di luar kampus. Tujuan akta itu ialah supaya sifat pasif dan berdiam diri pelajar dapat dibuang. Namun, saya khuatir sesetengah pelajar, terutama yang kurang matang pemikirannya, akan 'diperkudakan' oleh pihak yang berkepentingan politik. Seeloknya, pelajar tidak berpolitik, kerana bukan sahaja arena ini sering digunakan untuk memecah belahkan rakyat, tetapi nyata bahawa mereka yang tersasar ke jalan ini terabai pelajarannya.

Ingatlah – anak-anak pelajar adalah golongan yang baik, hebat dan pintar. Dari itu, janganlah sia-siakan peluang ini. Berikanlah sepenuh tumpuan kepada pelajaran. Apabila sudah bergraduasi nanti, tiada halangan untuk berpolitik.

Suka saya mengingatkan bahawa kerajaan telah memperuntukkan subsidi yang besar dalam pembayaran yuran pengajian. Itulah sebabnya yuran yang dibayar adalah sangat sedikit, berbanding yuran sebenar sekiranya diambilkira jumlah pelaburan yang telah dicurahkan untuk membangunkan Universiti ini.

Bagi setiap pelajar, kerajaan telah memperuntukan subsidi bagi meringankan beban yang ditanggung pelajar. Sebagai contoh, bagi pelajar Kejuruteraan dan Teknikal, yuran yang perlu dibayar bagi tempoh pengajian selama empat tahun adalah RM 11,542.00 dan subsidi yang Kerajaan tanggung adalah sebanyak RM 22,729.00 bagi tempoh setahun sahaja. Ini bermakna, kerajaan membelanjakan RM 90,916.00 bagi seorang pelajar untuk tempoh empat tahun pengajian dan pelajar hanya membayar 13 peratus sahaja dari jumlah keseluruhan.

Tujuan saya katakan perkara ini adalah untuk memberi kesedaran tentang betapa berat tanggungjawab dan amanah yang anak pelajar pikul. Janganlah sia-siakan pelaburan yang telah kerajaan curahkan ke atas anak pelajar.

Selain itu, bagi setiap pelajar yang ditawarkan tempat di sini, bermakna terdapat sekurang-kurangnya seorang calon pelajar yang terpaksa ditolak. Dari itu, belajarlah bersungguh-sungguh, dan jangan jadikan yuran pengajian sebagai alasan yang mengganggu konsentrasi. Sentiasalah ingat bahawa keistimewaan yang diberikan oleh kerajaan bermakna anak pelajar bertanggungjawab memastikan segala usaha, daya dan kudrat dipaksakan kepada pembelajaran.

Anak pelajar juga akan dibekalkan dengan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia yang telah dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri

tahun lepas. Kad ini bertujuan mengurangkan kos sara hidup kira-kira 1.5 juta pelajar di seluruh negara. Ia meringankan beban rakyat terutamanya mahasiswa. Semua pelajar tempatan UniMAP layak menikmati keistimewaan ini, termasuk mendapat potongan harga sehingga 60 peratus terhadap pelbagai barangan dan perkhidmatan terpilih, seperti buku, alat tulis, pakaian, kelengkapan sukan, perubatan dan pengangkutan. Saya harap anak pelajar akan memanfaatkan keistimewaan ini dengan sebaiknya.

Bersyukurlah kerana kerajaan membantu dalam pelbagai aspek – iaitu subsidi yuran pengajian, dan potongan harga pelbagai barangan dan perkhidmatan. Tiada balasan yang diminta, hanya iltizam belajar bersungguh-sungguh. Jadilah pelajar yang cintakan ilmu, bijak membuat keputusan berasaskan fakta, mampu berbincang dan berdebat dengan rasional, mampu berkomunikasi dengan baik, dan rajin membaca.

Lihatlah sesuatu isu dengan matang. Janganlah mudah dipengaruhi orang atau emosi, serta mudah kalah dengan hujah. Beranilah menerokai bidang-bidang baru, dan sentiasalah bersyukur dengan kemudahan yang diberi, termasuk tajaan kewangan yang diterima.

Kekalkan jatidiri sebagai bangsa Malaysia yang bermaruah, berbudi pekerti dan beradab sopan, selaras dengan kemurniaan

warisan bangsa kita. Letakkan kepentingan agama, bangsa, negara, dan institusi mengatasi lain-lainnya.

Suburkanlah semangat untuk berbakti kepada masyarakat, dan jadilah jambatan yang mampu menyebarkan ilmu kepada semua. Berusahalah menjadi 'role model' melalui pembentukan sahsiah diri dan budi pekerti yang tinggi. Marilah kita bersama-sama berjanji untuk memberi yang terbaik supaya dapat membantu menyumbang kepada pembangunan negara dan dunia.

Anak pelajar yang dikasihi,

Anak pelajar kini berada dalam minggu suaikenal yang direncana dengan pengisian aktiviti yang padat. Pasti ada yang merungut keletihan kerana tidak cukup rehat dan sebagainya. Namun, minggu ini adalah sangat penting bagi membantu anak pelajar menyesuaikan diri.

Dengan kampus UniMAP yang bersifat bertaburan ini, mungkin ada yang beranggapan situasi sebegini menyusahkan. Namun, marilah kita bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian. Sedarlah bahawa untuk berjaya tidak ada jalan mudah. Sebaliknya kita perlu menempuh kepayahan dahulu. Jadikanlah realiti kampus bertaburan ini sebagai cabaran untuk lebih berusaha mencapai kecemerlangan.

Bagi memastikan setiap pelajar menikmati keselesaan sepanjang berada di kampus, kemudahan dan prasarana yang baik telah dibangunkan. Umpamanya, terdapat perkhidmatan bas berjadual yang memastikan pergerakan pelajar tidak terjejas. Kini, terdapat juga wifi pada kebanyakan bas. Kemudahan di kolej kediaman juga disusun agar keselesaan dan kualiti penginapan pelajar terjamin.

Makmal-makmal di UniMAP adalah antara yang terbaik di rantau ini. Sebagai contoh, makmal pengajaran fabrikasi semikonduktor, iaitu 'Clean Room' menjadi tarikan industri sehingga ia dijadikan tempat di mana industri menghantar pekerja untuk dilatih dari semasa ke semasa. **Anak pelajar nanti akan dibimbing bukan saja oleh staf akademik tempatan, tetapi juga dari luar negara termasuk dari Australia, Iraq, Indonesia, Bangladesh, India, Britain, Mynmar, Republik Kyrgyz, Pakistan, dan Jepun.**

Ramai antara pensyarah ini yang telah menghasilkan banyak produk penyelidikan yang memenangi pingat di pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa, antaranya di Geneva, Warsaw, Nuremberg, Seoul, Brussels dan Pittsburgh.

Anak-anak pelajar sekalian,

Di tempat pendaftaran anak pelajar semalam adalah kampus induk UniMAP yang dikenali sebagai **Kampus Alam Pauh Putra. Pada 1 September lalu, beberapa sejarah penting telah tercipta di situ.**

Bermulanya sidang akademik baru ini, Kolej Kediaman UniMAP yang memuatkan 1,000 pelajar mula diduduki secara rasmi. Begitu juga dengan Kolej Kediaman UniMAP di Sg. Chuchoh yang menempatkan pelajar Teknologi Kejuruteraan. Kolej kediaman tersebut telah dibina berasaskan konsep IBS (iaitu Sistem Binaan Industri) di mana pembinaannya disiapkan dalam satu tempoh masa yang amat singkat.

UniMAP juga telah mempunyai Litar Go-Kart yang bertaraf antarabangsa. Pada 14 September lalu, telah berlangsung acara Formula UniMAP 2013 yang melibatkan 25 buah jentera dari 16 pasukan yang berentap di litar tersebut. Untuk makluman para pelajar, Formula UniMAP adalah perlumbaan pertama anjuran institut pengajian tinggi yang mendapat penyertaan dari peserta antarabangsa iaitu Karpagam University dari India. Formula UniMAP merupakan perlumbaan pertama yang dianjurkan selepas mendapat pengiktirafan dari Automobile Association of Malaysia (AAM) pada penghujung Ogos lalu. Pengiktirafan AAM ini melayakkan kita untuk menganjurkan perlumbaan hingga ke peringkat antarabangsa.

Sebagai pelajar UniMAP, anak-anak pelajar digalakkan untuk memanfaatkan kesemua kemudahan yang disediakan, termasuk yang diurus di bawah Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra, yang memiliki trek sintetik 9 lorong serta pelbagai kemudahan gelanggang dan padang. Pelajar-pelajar juga

seharusnya memanfaatkan kemudahan di bawah PROJEK U-SIKAL yang disempurnakan oleh DYTM Tuanku Canselor dan DYTM Tuanku Pro-Canselor UniMAP awal bulan ini. PROJEK U-SIKAL memperkenalkan sistem pengangkutan menggunakan basikal sebagai persediaan untuk menjadikan UniMAP sebuah kampus lestari. Harapan saya satu hari nanti, basikal akan menjadi pengangkutan utama pelajar di sini.

Buat masa ini, terdapat lima stesen basikal di lima lokasi tumpuan pelajar iaitu perpustakaan, boulevard, terminal bas, kompleks dewan kuliah dan asrama. Stesen utama terletak di terminal bas dan menempatkan 40 unit basikal serta bengkel penyelenggaraan basikal. Stesen-stesen lain menempatkan sekurang-kurangnya 20 unit basikal bagi setiap tempat dalam peringkat awal projek ini. Kita menggunakan teknologi 'Radio Frequency Identification' (RFID) di mana basikal yang berkunci diletakkan di parking bay yang ditetapkan dan hanya boleh dibuka dengan menggunakan kad RFID.

Basikal boleh digunakan serta merta selepas kad RFID menyentuh tempat sesentuh yang disediakan. Kadar sewaan yang dikenakan adalah sangat minimum, iaitu percuma bagi 20 minit pertama, dan 20 sen bagi 10 minit seterusnya. Kadar caj meningkat bagi tempoh masa seterusnya, bagi memastikan basikal dipulangkan secepat mungkin, agar dapat digunakan pelajar lain.

Penggunaan basikal akan mengurangkan 'carbon footprint', selain dapat menyihatkan badan. Ia adalah satu senaman yang membantu meningkatkan tahap kesihatan dan kecergasan kita.

Pelajar yang dikasihi,

Setiap universiti mempunyai budayanya yang tersendiri. Begitu juga di UniMAP. **Nilai teras UniMAP ialah 'ilmu, keikhlasan, dan kecemerlangan'**. Orang yang berilmu laksana pohon rendang tempat teduhan sesiapa sahaja.

Ilmu adalah peneraju amal yang diamanahkan Tuhan, manakala keikhlasan kepada-Nya mendasari penerokaan ilmu.

Hayatilah 'ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan' seperti yang kita nyanyikan dalam lagu rasmi, 'WAWASANKU' sebentar tadi. Lirik lagu ini mempunyai maksud yang mendalam, sejajar dengan falsafah yang kita dukung, iaitu...

Alam kejuruteraan bermaksud UniMAP adalah hub di mana ilmu dibangun dan diperkembangkan untuk manfaat semua.

Ilmu keikhlasan kecemerlangan – adalah nilai teras yang dipegang untuk menjadi warga berminda kelas pertama, sesuai dengan aspirasi kerajaan.

Wawasan jiwa kita bermakna kita bukan setakat faham akan ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan secara ilmiah saja, tetapi kita juga menghayati dan menjiwainya.

Berdikari rohaniah berteknologi adalah ciri-ciri yang kita idamkan. Kita berdikari zahir dan batin dan menggunakan teknologi agar mampu berada di bahagian paling hadapan dalam bidang ilmu.

Pemimpin berbestari membawa maksud kita memimpin dan kita juga mengeluarkan graduan bestari yang menjadi pemimpin dalam bidang masing-masing. Bestari bermaksud bijak, pintar, matang, tidak membuat keputusan secara melulu, dan sangat rasional.

Untuk bangsa, insan, dan umat dunia bererti kita berbakti untuk bangsa Malaysia, manusia, dan dunia keseluruhan, tanpa melupakan agama Islam, iaitu agama rasmi negara.

Negara yang tercinta – adalah Malaysia dan semua masyarakat berbilang kaumnya. Kita mendukung aspirasi kerajaan untuk membangunkan modal insan yang berupaya menyumbang kepada pembangunan Negara dan dunia.

Misi UniMAP ialah melahirkan modal insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara. Manakala visi UniMAP pula adalah untuk menjadi

institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa.

Sebagai pelajar baru, anak pelajar haruslah memahami dan menghayati misi dan visi ini. Belajarlah bersungguh-sungguh untuk menjadi siswazah yang menjadi aset berharga Negara.

Pelajar yang dikasihi,

Dalam dokumen perancangan strategik, UniMAP berhasrat **melahirkan graduan yang mendapat CGPA 3.67 ke atas sebanyak 20% dan graduan yang mendapat CGPA 3.0 – 3.66 sebanyak 60%.**

Kita juga ingin melahirkan graduan minda kelas pertama dengan daya kepimpinan yang hebat, penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa lain yang tinggi, mempunyai keterampilan diri yang menarik dan disayangi oleh pemegang taruh

Kita berharap agar 100% pelajar terlibat dalam kegiatan sukan, kebudayaan, kerja-kerja amal dan masyarakat, serta dapat memenangi banyak pingat, termasuk sekurang-kurangnya 8% pingat emas dalam pertandingan sukan antara universiti.

UniMAP akan berusaha bersungguh-sungguh agar dapat melibatkan sekurang-kurangnya 5% pelajar dalam aktiviti pengantarabangsaan melalui pertukaran pelajar dalam bidang

sukan, kebudayaan dan pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa seperti bahas, keusahawanan, rekacipta dan lain-lain lagi.

Bagi memenuhi harapan ini, saya berharap anak pelajar semua tekadkan usaha untuk menjadi yang terbaik antara yang terbaik. Ingatlah tiada jalan singkat dalam mencapai kejayaan.

Ibarat kata pepatah Melayu, yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang.

Seterusnya, saya ingin memperkenalkan barisan Ketua Jabatan Universiti Malaysia Perlis.

SENARAI EDARAN :

1. Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin bin Hussin
Naib Canselor
2. Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. <belum diisi>
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
4. Prof. Madya Dr. Mohd. Fo'ad Sakdan
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

5. En. Zuber Hj. Mohamad
Pemangku Pendaftar

6. Pn. Saodah Hassan
Bendahari

7. Pn. Mazmin Mat Akhir
Pemangku Ketua Pustakawan

8. Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain
Penolong Naib Canselor (Komunikasi Korporat)

9. Prof. Madya Abdul Aziz Mahmuddin
Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan
Pengurusan Kualiti)

10. Prof. Ir. Dr. Rezuwan Kamaruddin
Dekan Pengurusan Akademik

11. Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid
Dekan
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

12. Prof. Madya Razli Ahmad
Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

13. Dr. Rizalafande Che Ismail
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik

14. Prof. Dr. R Badlishah Ahmad
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer &
Perhubungan

15. Prof. Madya Dr. Mohd. Fareq Abd. Malek
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik

16. Dr. Khairul Rafezi Ahmad
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan

17. Prof. Dr. Abdul Hamid Adom
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik

18. Dr. Khairul Azwan Ismail
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan

19. Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses

20. Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar

21. Prof. Madya Dr. Hazry Desa
Dekan
Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan
Teknousahawan

22. Prof. Dr. Mohd. Yusoff Mashor
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah

23. Dr. Huzili Hussin
Dekan
Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan

24. Prof. Madya Che Mohd. Ruzaidi Ghazali
Dekan
Pusat Kejuruteraan

25. Prof. Madya Dr. Abd. Wahab Jusoh
Dekan
Institut Matematik Kejuruteraan

26. Prof. Dr. Uda Hashim
Pengarah
Institut Kejuruteraan Nano Elektronik

27. Prof. Madya Dr. Mahmad Nor Jaafar
Pengarah
Institut Agroteknologi Lestari

28. Prof. Dr. Harshita Aini Haroon
Pengarah
Pusat Bahasa Antarabangsa

29. Prof. Madya Dr. Mohd. Rozailan Mamat @ Ibrahim
Pengarah
Pusat Kerjasama Industri

30. Pn. Nor Azizah Hitam
Pengarah
Pusat Hal Ehwal Antarabangsa

31. Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid
Pengarah
Jabatan Pembangunan

32. En. Nor Azmi Hj. Johari
Pengarah
Jabatan Keselamatan

33. En. Nasrudin bin Abd. Shukor
Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi

34. En. Afizal Abu Othman
Pengarah
Pusat Sukan/Pengetua Kolej-kolej Kediaman

35. Prof. Madya Dr. Ye Htut @ Mohammad Iqbal Omar
Pengarah
Pusat Kesihatan

36. Prof. Madya Dr. Zaliman Sauli
Pengarah
Pusat Ko-kurikulum

37. Prof. Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Hj. Din
Pengarah
Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pengkomersilan
dan Pengurusan Harta Intelek

38. Ustaz Hassan Arshad
Pengarah
Pusat Islam

39. Prof. Dr. Rosnah Ismail
Pengarah
Pusat Kaunseling

40. Prof. Madya Dr. Idris Md. Noor
Pengarah
Institut Kajian Strategik, Kepimpinan dan Komuniti

41. Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam
Pengarah
Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia

42. <belum diisi>
Pengarah
Unit Kebudayaan dan Rekreasi

43. Prof. Dr. Salleh Abd. Rashid
Pengarah
Unit Pembangunan Lestari

44. Prof. Dr. Asiah Sarji
Pengarah
Unit Penerbitan

45. Ir. Dr. Anuar Mat Safar
Pengarah
Unit Kelayakan dan Akreditasi

46. Prof. Madya Lt. Kol. (B) Azuddin Bahari
Pengarah
Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

47. En. Noor Hasnizam Hanafi
Pengarah
Unit Penyelarasan Program Diploma

48. <Belum Diisi>
Pengarah
Unit Multimedia

49. Prof. Madya Dr. Zainab Hamzah
Pengarah
Unit Media

50. Prof. Madya Dr. Othman Hashim
Pengarah
Unit Audit Dalam

51. Puan Husna 'Afifi Mohd. Yusoff @ Mat Jusoh
Pengarah
UniMAP.fm

52. Dr. Midhat Nabil Ahmad Salimi
Pengetua Kolej-kolej Kediaman

53. Pn. Kartini Hj. Alir
Pengetua Kolej-kolej Kediaman

54. YM Raja Shah Erman Raja Ariffin
Pengetua Kolej-kolej Kediaman